



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM

DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia

Public Service Department, Malaysia

Aras 13, Blok C1, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62510 W.P. PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-80008000

Faks (Fax): 603-88892187

Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan Kami : JPA.100-1/4/2(40)

Tarikh : 23 Julai 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato'Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEMATUHAN TERHADAP PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 [P.U. (A) 395/1993]

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato'Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan, kepada keperluan untuk semua pegawai awam **mematuhi sepenuhnya Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A) 395/1993]**, yang menetapkan tanggungjawab utama seseorang pegawai awam dari segi tatakelakuan. Berikut adalah penekanan terhadap aspek utama yang **WAJIB** dipatuhi iaitu:

i. Taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan

Setiap pegawai awam hendaklah menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara, kepada Malaysia sebagai negara berdaulat, serta kepada Kerajaan.

ii. Aku Janji

Semua pegawai awam telah menandatangani Surat Aku Janji sebagaimana yang diperuntukan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U. (A) 1/2012]. Aku Janji ini adalah satu komitmen bertulis oleh pegawai awam untuk mematuhi peraturan dan arahan Kerajaan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Ia juga menuntut pegawai bertugas dengan jujur, cekap, dan bertanggungjawab, mematuhi arahan serta mengelakkan sebarang salah laku termasuk penyalahgunaan kuasa, konflik kepentingan, dan tindakan yang boleh mencemarkan imej perkhidmatan awam.

iii. Larangan membuat pernyataan awam tanpa kebenaran

Pegawai awam tidak dibenarkan membuat kenyataan awam seperti menyebarkan maklumat palsu, berunsur fitnah, provokasi atau tidak disahkan kebenarannya, menerbitkan artikel, atau menyebarkan maklumat secara lisan atau bertulis, termasuk di media sosial, berkaitan dengan dasar Kerajaan, maklumat dalaman jabatan, atau isu-isu yang boleh menimbulkan keraguan atau persepsi negatif terhadap kewibawaan Perkhidmatan Awam. Sebarang kenyataan awam yang positif hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis daripada Menteri.

iv. Larangan penglibatan dalam aktiviti politik

Pegawai awam hendaklah mengekalkan kedudukan berkecuali dalam mana-mana parti politik termasuk memakai lambang, memegang jawatan politik, atau menjalankan kempen, kecuali dengan kebenaran dalam kes-kes tertentu. Perkhidmatan Awam sepatutnya bersifat profesional, adil dan tidak berpihak selaras dengan prinsip "*neutrality*" dan "*impartiality*" untuk memastikan

keyakinan rakyat terhadap keupayaan Perkhidmatan Awam menjadi tulang belakang dalam pentadbiran negara.

3. Adalah diingatkan bahawa sebarang pelanggaran terhadap tatakelakuan boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah P.U. (A) 395/1993, dan pegawai boleh dikenakan hukuman amaran, denda, lucut hak emolumen, tahan kerja, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja, bergantung kepada tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan.

4. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, surat edaran ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

5. Segala kerjasama dan komitmen berterusan daripada YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan amat dihargai dalam menjaga integriti, imej dan kredibiliti Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

Sk.

Ketua Setiausaha Negara